

PROGRAM JEJAK KAMPUS D' PAUH PUTRA

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 25 Ogos 2011, di Kampus Tetap UniMAP Pauh Putra, Perlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UniMAP)

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua jabatan,

Seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Tangan ditadah memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan keizinanNya sahajalah yang membenarkan kita berkumpul pada petang ini dalam program tahunan kita iaitu Program Jejak Kampus D'Pauh Putra. Sesungguhnya kesempatan yang Allah S.W.T berikan ini haruslah dimanfaatkan dengan sebaiknya. Tanpa melengahkan masa, saya mulakan ucapan saya ini dengan ucapan selamat datang kepada semua tetamu terutamanya tetamu khas kita iaitu 30 anak-anak yatim dari Rumah Anak - Anak Yatim Al- Islah, Mata Ayer ke Program Jejak Kampus D'Pauh Putra. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk melihat perkembangan pembinaan Kampus Tetap UniMAP dan seterusnya melaksanakan ibadah berbuka puasa kita pada hari ini.

Kepada pihak Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Unit Kajian Strategik serta sekretariat program ini, sekalung penghargaan saya titipkan di atas kesungguhan anda merealisasikan program ini sekaligus memastikan program ini berlangsung dalam keadaan lancar tanpa sebarang kesulitan. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Dikesempatan ini juga, ingin saya ucapkan tahniah kepada 15 peserta khatam Quran yang baru sahaja selesai sebentar tadi. Harapan saya semoga anda sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai teman sejati anda. Ambillah masa untuk membaca Al-Quran kerana Al-Quranlah penyuluhan kita di sana kelak.

Ladies and gentlemen,

Thanks to Allah S.W.T for His blessings in giving us the opportunity to gather here today. I bid to you Selamat Datang and welcome to the program which will give you some ideas of the progress and development of our main campus. To all the international students, I believe that you have been here before. But I am pretty sure that you have never experienced breaking your fast (iftar) here at the Green Campus. As a Vice Chancellor, I am very concerned about all of my students. Being far away from your family is not an easy thing and I am sure that you miss them a lot. On a personal note, you are just like my children and I am a father to all of you and as a father, I want you to feel like home or at least, close to home. Apart from visiting our main campus today, I also want to have my iftar NOT ONLY with all of you but most importantly, having iftar with the less fortunate children from the Mata Ayer Orphanage. Please welcome them with a big round of applause.

Hadirin sekalian,

Hari ini adalah hari ke 25 kita melaksanakan ibadah puasa yang diwajibkan kepada kita yang mampu. Saya berdoa semoga ibadah yang kita laksanakan ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T sehingga ke akhirnya. Saya mendapat makluman bahawa tema program kita pada hari ini adalah ‘Memerdekaan Diri Dengan Ramadan’. Seperti yang kita sedia maklum, Program Jejak

Kampus D'Pauh Putra merupakan program tahunan UniMAP dan melalui program ini, saya percaya akan dapat memberikan pendedahan kepada pihak pengurusan UniMAP mengenai perkembangan pembinaan Kampus Tetap ini. Untuk makluman para hadirin, program ini juga merupakan program penutup bagi sambutan Ihya' Ramadan peringkat UniMAP. Sengaja saya aturkan agar program ini dilaksanakan pada hujung Ramadan bagi memberikan kita perasaan akhir Ramadan di kampus tetap kita iaitu UniMAP.

Atas dasar itulah, saya menyeru kepada semua yang hadir pada hari ini untuk memanfaatkan peluang melawat kampus ini dengan mengenali dan melihat perkembangannya dengan lebih dekat lagi. Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya berharap agar kampus ini akan siap sepenuhnya mengikut perancangan yang telah ditetapkan supaya dapat menaikkan semangat warga UniMAP untuk memberikan perkhidmatan terbaik mereka bagi memantapkan pencapaian universiti ini.

Berdasarkan tema program ini, dapat saya katakan bahawa ianya adalah bertetapan dengan sambutan bulan kemerdekaan yang bakal menjelang tidak lama lagi. ***Kadang kala terlintas di benak fikiran saya adakah kita merdeka sepenuhnya?*** Hal ini kerana Ramadan adalah bulan pendidik bagi setiap mereka yang inginkan melakukan transformasi. Walaupun Ramadan Al – Mubarak hadir hanya 30 hari sepanjang 12 bulan yang kita lalui, saya percaya Ramadan telah pun menghasilkan insan yang bertransformasi ke

arah kebaikan. Hal ini kerana, di bulan Ramadan inilah kita diajar untuk bersabar, mengawal diri dan redha dalam segala aspek kehidupan. Harapan saya semoga semua yang ada di sini juga turut mengalami transformasi ke arah kebaikan bagi menjadikan kita hambaNya yang taat dan sujud kepadaNya. Amin.

Hadirin sekalian,

Pada tahun ini juga, kita akan menyambut gandaan kemenangan iaitu Sambutan Aidilfitri dan juga sambutan Hari Kemerdekaan ke – 54 Malaysia pada 31 Ogos ini. Harapan saya semoga dengan sambutan berganda ini akan memberi seribu pengertian buat kita semua.

Seperti yang kita tahu, setiap orang pasti akan gembira menyambut kedatangan Syawal dan juga Kemerdekaan. Hal ini kerana kedua-dua bulan ini mempamerkan tanda kemenangan seseorang. Bagi yang menjalani ibadah di bulan Ramadan dengan sebaiknya, pasti kedatangan Syawal disambut sebagai tanda kemenangan mengatasi nafsu diri.

Manakala kedatangan bulan kemerdekaan pula disambut bagi meraikan kebebasan Negara dari penjajah yang membekalkan kita selama berdekad sebelum kita mencapai kemerdekaan mutlak pada tanggal 31 Ogos 1957. Namun, sebagai insan yang agak senior, saya berharap agar janganlah terlalu gembira apabila

meraikan sesuatu perkara itu. Hal ini kerana, dalam kita bergembira pasti ada juga insan lain yang berduka. Oleh itu, bersederhanalah kita dalam sesuatu perkara itu agar kegembiraan kita itu tidak mangundang cemuhan dan kebencian insan lain.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak perlulah saya berucap panjang pada petang ini. Harapan saya melalui program ini, kita dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim sesama warga UniMAP dan disamping itu dapat kita hayati prinsip ibadah puasa dalam Islam dari sudut memperbanyakkan amalan serta membasmi keburukan. Semoga Allah S.W.T memberi kita keberkatan di dunia dan di akhirat. Sekali lagi terima kasih buat semua tetamu yang sudi hadir pada petang ini. Saya Sudah ucapan saya dengan serangkap pantun.

**Kala Ramadhan semakin menyendiri,
Kedatangan Syawal pula, di minda maya,
Alangkah, bertuahnya diri,
Sambutan berganda, Merdeka Raya.**

Sekian. Saya Sudah dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

